

MAHATHIR-ANTARTIKA

1982

KUALA LUMPUR, 4 OKT. (BERNAMA)—DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENJELASKAN SERUANNYA DI PERHIMPUNAN AGUNG BANGSA-BANGSA BERSATU BARU-BARU INI AGAR PULAU-PULAU TERPENCIL DIMILIKI OLEH SEMUA NEGARA TIDAK MELIPUTI PULAU-PULAU YANG TERDAPAT DALAM

+CONTINENTAL SHELF+ MALAYSIA.

PERDAMA MENTERI BERKATA PULAU-PULAU YANG TIDAK MEMPUNYAI PENDUDUK DALAM KAWASAN +CONTINENTAL SHELF+ DI NEGARA INI TIDAK TERLIBAT DALAM TUNTUTAN ITU DAN HARUS TERUS DIMILIKI OLEH MALAYSIA.

+SAYA MENYENTUH KAWASAN-KAWASAN YANG TIDAK MEMPUNYAI SEDARANG PENDUDUK TETAPI KINI DIMILIKI SECARA PERSENDIRIAN OLEH BEBERAPA BUAH NEGARA, TERMASUK ANTARTIKA,+ TAMBAHNYA KEPADA PARA PEMBERITA SETIBANYA DARI LONDON SETELAH MENGHADIRI PERHIMPUNAN AGUNG BANGSA-BANGSA BERSATU.

BELIAU MENEGASKAN TUMPUAN TUNTUTANNYA HANYA DIBUAT TERHADAP ANTARTIKA MEMANDANGKAN SEBUAH KAWASAN LUAS DAN TIDAK ADA PENDUDUK, MANA JAWATANKUASA +DECOLONIZATION+ DALAM PBB PATUT MENGAMBILNYA SEMULA DAN DIJADIKAN HAK MILIK SEMUA BANGSA DAN NEGARA.--LAGI 2352/HM

D692

MAHATHIR-ANTARTIKA 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA TUNTUTAN ITU JUGA MELIPUTI DATAR LAUT SEPerti YANG DIPUTUSKAN DALAM PERSIDANGAN UNDANG-UNDANG LAUT BARU-BARU INI AGAR IA KEPUNYAAN SEMUA NEGARA.

BELIAU MENJELASKAN TUNTUTAN ITU DIBUAT MEMANDANGKAN KINI ADA NEGARA YANG MENGHANTAR EKSPLORASI DI KAWASAN ANTARTIKA UNPAMANYA DAN MENGGANGAP MEREKA MEMILIKINYA KERANA MAMPU MENYEDIAKAN PASUKAN TENTERA LAUT DAN UDARA YANG BESAR DAN KUAT.

+SELAGI MEREKA MEMPUNYAI KELENGKAPAN DEMIKIAN, SELAGI ITULAH NEGARA KECIL TIDAK DAPAT MEMERAH KEKAYAAN DARI BENUA YANG TERPENCIL ITU,+ TAMBAH BELIAU.

BELIAU BERPENDAPAT SUDAH WAJARNYA BENUA ANTARTIKA DIMILIKI OLEH SEMUA BANGSA DAN NEGARA KERANA BESAR KEMUNGKINAN DI MASA DEPAN IS MEMPUNYAI POTENSI MENGELUARKAN BARANG MAKANAN DAN SUMBER PEMBANGUNAN.--BERNAMA 2355/HM